



## Jimat hingga 30 peratus di Jualan Syawal Madani FAMA

Oleh Mahani Ishak - April 15, 2023 @ 1:02pm  
mahani@bh.com.my

KELANA JAYA: Penjimatan antara 10 hingga 30 peratus berbanding pasaran luar bakal dinikmati orang ramai yang berbelanja pada Jualan Syawal Madani di 113 outlet pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara.

Ia membabitkan Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok (MNS).

Menyertai acara sidang media di Tapak Pasar Tani Seksyen 6 hari ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata jualan itu bertujuan meringankan beban khususnya golongan B40 dan M40.

FAMA sebagai agensi tidak bermotifkan keuntungan, katanya, tidak berhasrat bersaing dengan peniaga di luar.

"Bagi FAMA, asalkan tidak rugi sudah mencukupi. Kita bukan nak bersaing dengan pasaran luar, mereka boleh terus bermiaga seperti biasa setiap hari."

"Kita (FAMA) hanya mahu membantu golongan kurang berada yang kebanyakannya B40 dan M40 atau kelas pertengahan atau bawahan."

"Itu tujuan kita menyelaraskan pasar seperti ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Jualan Syawal Madani Peringkat Kebangsaan 2023 di Tapak Pasar Tani Seksyen 6 di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali dan Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.

Mohamad berkata, FAMA menyasarkan nilai jualan RM13 juta di sepanjang program jualan Syawal Madani ini.

"Kementerian memberi jaminan bekalan daging, ayam, sayur-sayuran dan kelapa mencukupi untuk sambutan Aidilfitri."

"Kita yakin pengguna juga tidak akan menghadapi masalah mendapatkan barang keperluan itu kerana persediaan awal menambah bekalan sentiasa dibuat oleh agensi di bawah kementerian," katanya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan MAFS hanya membekal barang keperluan manakala pengawalan harga tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Setiap usahawan di outlet pemasaran FAMA perlu mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2023 yang dikeluarkan oleh pihak KPDN," katanya.

Mengenai bekalan telur semasa, Mohamad berkata, FAMA akan menampung kekurangan bekalan di lokasi dikenal pasti.

"Insya-Allah mencukupi dan kita sentiasa bincang jika bekalan tempatan tidak, cukup kita akan buat keputusan pada waktu itu dan boleh bertindak segera bagi memenuhi keperluan pasaran."

"Bagaimanapun tiada jangka masa spesifik. Kita turut berbincang dengan semua pihak seperti pengeluar telur, pengguna dan sebagainya dan apabila keadaan meruncing kita akan import segera pada bila-bila masa."

"Kita juga sudah membuat garis panduan untuk pengimportan jika berlaku kekurangan ketara," katanya.